



**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

9 OKTOBER 2021


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 761 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 204,954 kes. Sebanyak 11 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Lahad Datu manakala Putatan, Sandakan, Kudat, Keningau, Tongod, Semporna, Kota Kinabalu, Nabawan dan Tuaran masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 950 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 191,122 orang. Manakala 2,491 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,018 orang di hospital, 1,460 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, sembilan (9) orang di Pusat Tahanan Sementara(PTS) / Penjara manakala empat (4) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 123 orang merangkumi 111 di ICU/repurposed kritikal care serta 12 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 48 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 210 (59.49%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Kalabakan berubah dari zon merah ke zon jingga

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Merah 26 daerah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Seperti yang diramalkan kes di Sabah ‘turun-naik’ umpama pergerakan permainan ‘yo-yo’. Hari ini jumlah kes naik (+56) kes daripada (705) kes kepada (761) kes. Jumlah kes semalam menurun (-115) kes berbanding pada hari Khamis (7 Ogos 2021) dan hari ini naik (+56) kes.
- b. Banyak daerah mencatat penambahan kes. Kota Kinabalu kembali mencatat jumlah kes tiga (3) angka kepada 104 (+20) kes. Tuaran 59 (+29) kes, Ranau 54 (+9) kes, Tenom 52 (+22) kes, Keningau 45 (+9) kes dan Lahad Datu 42 (+7) kes.
- c. Kawasan bandar yang lain seperti Sandakan, Putatan dan Penampang juga menunjukkan pertambahan tetapi pada kadar yang rendah. Di Tawau, kes menurun sebanyak (-12) kes, daripada (32) kes kepada 20 kes.
- d. Jangkitan dalam komuniti kekal tinggi. Pada hari ini hampir 38% (286/761) daripada semua kes baharu adalah melalui Saringan Bergejala. Peratusan kes yang diperolehi melalui Saringan Kontak rapat (54.14%) tidak terlalu jauh bezanya dengan jumlah kes daripada saringan bergejala. Di Kota Kinabalu, (41) kes daripada (104) kes adalah kes melalui Saringan Bergejala, Putatan, (11) kes daripada (22) kes, Tawau, (11) kes daripada (20) kes, Sandakan, (16) kes daripada (33) kes, Lahad Datu, (19) kes daripada (42) kes, Kota Belud, (36) kes daripada (80) kes dan Ranau, (21) kes daripada (54) kes.
- e. Seperti yang dinyatakan beberapa kali, apabila virus sudah berada dalam komuniti, ‘lockdown’ bukan lagi kaedah yang berkesan untuk membendung penularan COVID-19. Lockdown adalah satu-satunya pilihan terbaik dalam ketidaaan vaksin. Lockdown mampu mencapai matlamat “zero Covid” di lokaliti-lokaliti tertentu sebelum virus berada dalam komuniti serta kemunculan varian-varian baru yang lebih merbahaya dan mudah menjangkit seperti varian Delta.

- f. Peratusan kes melalui Saringan Bergejala yang tinggi di banyak daerah harus menjadi satu peringatan kepada masyarakat agar berhati-hati bila berada di khalayak ramai. Patuhi semua SOP. Amalkan penjagaan kesihatan diri. Anggap diri kita sebagai ‘frontliners’ dalam usaha membendung penularan COVID-19. Elak menjadi pembawa virus ke rumah kita sendiri dan menjangkiti orang-orang yang tersayang.
- g. Daripada (761) kes hari ini, (120) kes atau 15.8% adalah pesakit dalam Kategori 1, (574) kes atau 75.4% adalah dalam Kategori 2, lima (5) kes dalam Kategori 3 dan empat (4) kes masing-masing dalam Kategori 4 dan Kategori 5. (54) kes lagi masih dalam siasatan lanjut.
- h. Jumlah kes yang rendah dalam kategori 3, Kategori 4 dan Kategori 5 adalah bukti keberkesanan vaksin. Walaupun mereka yang sudah diberi vaksin masih boleh dijangkiti tetapi hampir keseluruhan mereka yang dijangkiti tidak akan mengalami kesan dan simptom yg serius atau ‘life threatening’ kecuali mereka yang memang menghadapi penyakit-penyakit lain.
- i. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (412) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	286	37.58%
3	Kontak	412	54.14%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain	63	8.28%
<b>JUMLAH</b>		<b>761</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (08 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 08/10/2021	Catatan Kes 09/10/2021	Perbandingan
1	Tuaran	30	59	+29
2	Tenom	30	52	+22
3	Kota Kinabalu	84	104	+20
4	Putatan	9	22	+13
5	Ranau	45	54	+9
6	Keningau	36	45	+9
7	Lahad Datu	35	42	+7
8	Kunak	5	12	+7
9	Penampang	20	24	+4
10	Beaufort	19	23	+4
11	Sandakan	30	33	+3
12	Papar	27	30	+3
13	Pitas	26	29	+3
14	Kudat	12	14	+2
15	Kinabatangan	14	14	Mendatar
16	Kota Marudu	59	35	-24
17	Tawau	32	20	-12
18	Sipitang	16	4	-12
19	Tongod	13	3	-10
20	Kalabakan	5	0	-5
21	Telupid	18	14	-4
22	Nabawan	11	8	-3
23	Kota Belud	82	80	-2
24	Beluran	17	15	-2
25	Tambunan	16	14	-2
26	Semporna	10	8	-2
27	Kuala Penyu	4	3	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>705</b>	<b>761</b>	<b>+56</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (25 September – 08 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	56	41	0	7	104	1,348
Kota Belud	0	43	36	0	1	80	747
Tuaran	0	35	23	0	1	59	615
Ranau	0	31	21	0	2	54	832
Tenom	0	19	15	0	18	52	476
Keningau	0	26	17	0	2	45	830
Lahad Datu	0	19	19	0	4	42	842
Kota Marudu	0	23	10	0	2	35	733
Sandakan	0	11	16	0	6	33	679
Papar	0	16	12	0	2	30	450
Pitas	0	20	9	0	0	29	367
Penampang	0	18	3	0	3	24	442
Beaufort	0	15	8	0	0	23	235
Putatan	0	7	11	0	4	22	259
Tawau	0	7	11	0	2	20	442
Beluran	0	13	2	0	0	15	204
Telupid	0	9	3	0	2	14	151
Tambunan	0	10	4	0	0	14	173
Kinabatangan	0	14	0	0	0	14	358
Kudat	0	8	5	0	1	14	328
Kunak	0	6	5	0	1	12	150
Nabawan	0	1	6	0	1	8	263
Semporna	0	0	4	0	4	8	147
Sipitang	0	2	2	0	0	4	200
Tongod	0	2	1	0	0	3	133
Kuala Penyu	0	1	2	0	0	3	64
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	37
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>412</b>	<b>286</b>	<b>0</b>	<b>63</b>	<b>761</b>	<b>11,505</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tiada Catatan Kluster		

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,784 unit

- Hospital 1,974 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,110 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 36.72%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 9 OKTOBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	752
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	3
Orang Dalam Tahanan /Banduan	4
<b>Jumlah</b>	<b>761</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	1
Terengganu	1
Sarawak	1
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Turki	1
United Kingdom	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	736
Bukan Malaysia	25
<b>Jumlah</b>	<b>761</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	139
Belum Menerima Vaksin	129
Menerima 1 Dos	66
Lengkap 2 Dos	427
<b>Jumlah</b>	<b>761</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	11
1 to 5	61
6 to 11	67
12 to 17	62
18 to 25	107
26 to 59	367
>60	86
<b>Jumlah</b>	<b>761</b>

## C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 09 Oktober 2021)
1	Ranau	1
2	Tambunan	1
3	Telupid	1
<b>JUMLAH</b>		<b>3</b>

## D PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh PKPD Ditamatkan
1.	Kampung Bambangan, Telupid	27 September 2021	Ditamatkan pada 10 Oktober 2021 seperti yang dijadualkan

## E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 8 Oktober 2021 adalah seramai 38,162 orang. Daripada jumlah ini, seramai 12,666 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 25,496 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 8 Oktober 2021 adalah seramai 2,363,399 orang. Ini meliputi 2,071,398 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 75.1% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 1,933,743 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,895,734 orang atau 68.7% adalah penduduk dewasa.

3 Seramai 292,001 orang atau 68.5% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 38,009 atau 9.0% orang setakat ini.

**F BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **641,728** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

**G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 36 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 20,914 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 11 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 63 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 14 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Dua (2) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - Tujuh (7) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
  - Dua (2) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - Tiga (3) Orang : Rentas Daerah/Negeri Tanpa Kebenaran
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 156 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 31 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.

## Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 951 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Satu (1) kompaun dikeluarkan oleh Majlis Daerah Penampang atas kesalahan pemilik premis gagal melaksanakan penjarakan fizikal. Sebanyak tujuh (7) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 316 premis perniagaan dan 416 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di The Royal Coconut, Lintas Plaza (1 Orang) dan Green Mug, Lintas Plaza (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 274 Premis Perniagaan melibatkan 178 anggota APM. Sejumlah lima (5) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 119 anggota di 162 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 22 premis, melibatkan 11 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 171 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 23 hebahan di seluruh Sabah.

## H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **97.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	98%
2	Beaufort	98%
3	Kota Marudu	97.5%
4	Lahad Datu	97.5%
5	Kunak	97.5%
6	Semporna	97.5%
7	Beluran	97.5%
8	Kota Belud	97.5%
9	Sandakan	97%
10	Tawau	97%
11	Ranau	97%
12	Tenom	97%
13	Keningau	97%
14	Kinabatangan	97%
15	Kota Kinabalu	97%
16	Tuaran	97%
17	Kudat	97%
18	Papar	97%
19	Penampang	96.5%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**